

# Pencapaian DEB tak akan memuaskan selagi bumiputera tidak dibantu

UM 29 OCT 1988

(P)

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kaum - kaum lain mesti faham bahawa lebih cepat mereka menolong bumiputera memperoleh kecekapan yang diperlukan, lebih cepat pengimbangan antara bumiputera dengan bukan bumiputera dapat dicapai.

Tegasnya, selagi bumi-

putera tidak diberi pertolongan dalam bidang pengurusan sehingga mereka mampu bersaing, maka selagi itulah pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak akan memuaskan.

Beliau yang menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini bagaimanapun berkata, dalam menjaya-

kan usaha ini, bumiputera pula tidak boleh menunggu sahaja.

"Mereka mesti berusaha, mereka mesti membetulkan kesalahan dan kelemahan diri," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa kerajaan akan meneliti kemampuan bumiputera secara mendalam sebelum memberikan sesuatu projek kepada bumiputera.

Kerajaan, tegasnya, sedar pengkritik akan menjadikan perkara - perkara ini sebagai isu politik.

Katanya, "sebenarnya ramai daripada pengikut kumpulan tertentu terdiri daripada orang - orang yang mempunyai masalah kewangan kerana mereka telah menyalahgunakan pinjaman - pinjaman yang diperolehi."

Beliau memberitahu, sekarang ini, mereka tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut dan kerajaan tidak akan gentar dengan ancaman kumpulan ini.

## Niat

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kerajaan tidak berniat menjadikan peniaga dan pengusaha Melayu muflis sebaliknya mahu menjadikan mereka usahawan dan peniaga yang cekap, berdikari dan mampu bersaing.

Beliau menjelaskan, kerajaan tidak akan membelakangkan syarikat yang 100 peratus bumiputera berkebolehan tetapi hakikatnya ialah bilangan mereka tidak banyak dan mereka mungkin tidak berupaya dengan sendiri mengambillah 30 peratus saham syarikat yang ditentukan untuk bumiputera.

Tambahnya, bilangan bumiputera yang dahulu tidak ada masalah kewangan, tetapi sekarang diserang oleh bank dan menjadi muflis telah meningkat kerana cuba melaksanakan projek yang lebih daripada kemampuan, kurang kecekapan pengurusan dan tidak berupaya mengatasi kemelesetan ekonomi yang melanda dunia.